

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
MAJLIS HALAL MALAYSIA**

PEKELILING MAJLIS HALAL MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2019

**GARIS PANDUAN PENDAFTARAN RAKAN STRATEGIK
MALAYSIA INTERNATIONAL HALAL ACADEMY (MIHA),
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA 2019**

1. PENDAHULUAN

Garis Panduan ini disediakan untuk menjelaskan kaedah-kaedah pendaftaran Rakan Strategik MIHA yang merupakan inisiatif di bawah Majlis Halal Malaysia (MHM) bagi memperkasakan ekosistem Halal Malaysia dari sudut pembangunan kapasiti halal.

2. PEMAKAIAN

- 2.1 Garis Panduan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2019.
- 2.2 Semua RS yang berminat untuk mendaftar dengan MIHA hendaklah mematuhi Garis Paduan ini.
- 2.3 Garis Panduan ini hendaklah terpakai kepada mana-mana RS yang berminat untuk menjalankan program Pembangunan Kapasiti Halal kepada industri dalam dan luar negara.

3. TAKRIFAN

Bagi tujuan Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki sebaliknya, perkataan-perkataan di bawah hendaklah mempunyai makna yang diberikan seperti berikut:

"Halal Facilitator ("HF")" ertinya individu yang telah didaftarkan sebagai Pengajar/Pemudahcara Halal oleh MIHA dan layak mengajar serta mengendalikan Program Latihan Halal;

"Halal Knowledge Economy ("HKE")" ertinya kepakaran dan ilmu berkaitan pembangunan industri dan pensijilan halal untuk melahirkan pekerja industri halal berpengetahuan bagi membantu perkembangan ekonomi;

"Halal Professional Board ("HPB")" ertinya Majlis Profesional Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang diwujudkan berdasarkan keputusan Mesyuarat Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam kali ke-58;

"Halal Personnel ("HP")" ertinya seorang warganegara Malaysia yang beragama Islam yang memiliki kelayakan seperti yang berikut:

- (a) kelayakan yang diiktiraf oleh kerajaan dalam bidang berkaitan halal dan berpengalaman dalam Industri Halal sekurang-kurangnya memiliki Sijil Eksekutif Halal yang berdaftar dengan HPB;
- (b) ijazah sarjana, ijazah sarjana muda atau ijazah kedoktoran yang diiktiraf oleh kerajaan dalam bidang berkaitan halal dan berpengalaman dalam Industri Halal sekurang-kurangnya satu (1) tahun;
- (c) ijazah sarjana, ijazah sarjana muda atau ijazah kedoktoran yang diiktiraf oleh kerajaan dan berpengalaman dalam Industri Halal sekurang-kurangnya satu (2) tahun;
- (d) diploma yang diiktiraf oleh kerajaan dalam bidang berkaitan halal dan berpengalaman dalam Industri Halal sekurang-kurangnya satu (1) tahun; atau
- (e) diploma atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan berpengalaman dalam Industri Halal sekurang-kurangnya dua (2) tahun.

"Industri Halal" ertinya industri yang terlibat dalam ekosistem pensijilan halal sama ada pengurusan, perkhidmatan, pembangunan dan pengeluaran produk halal;

"*Malaysia International Halal Academy* ("MIHA")" ertinya Akademi Halal Antrabangsa Malaysia JAKIM yang diwujudkan berdasarkan keputusan Mesyuarat MHM Bil. 2/2017 yang bertanggungjawab dalam pendaftaran RS;

"Penyedia Latihan Halal ("PLH")" ertinya agensi kerajaan atau bukan kerajaan yang diiktiraf oleh HPB bagi menyediakan program latihan halal yang termasuklah apa-apa kursus berkaitan Industri Halal tetapi tidak termasuk kursus yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Berwibawa sebagaimana yang ditafsirkan dalam Perintah Perihal Dagangan (Penandaan dan Perakuan Halal) 2011;

"Pembangunan Kapasiti Halal ("PKH")" ertinya apa-apa Program *Training* dan *Coaching* berteraskan *Halal Knowledge Economy* (HKE) yang melibatkan Industri Halal dalam dan luar negara yang bertujuan untuk memperkasakan pensijilan halal Malaysia dan pelaksanaannya adalah berpandukan kepada MIHA;

- a) "*Training*" ertinya sebarang bentuk latihan tidak bermodul (cth: latihan kesedaran halal) yang melibatkan industri dalam dan luar negara bertujuan untuk memberi kefahaman yang jelas mengenai pensijilan halal Malaysia dan hanya boleh dikendalikan oleh *Halal Personnel* yang berdaftar dengan MIHA atau Tenaga Pengajar Halal yang berdaftar dengan HPB; dan
- b) "*Coaching*" ertinya khidmat pengajaran secara praktikal termasuk khidmat nasihat dan konsultansi kepada Industri Halal dalam dan luar negara bertujuan untuk bimbingan permohonan Pensijilan Halal Malaysia.

"Panel Pengesahan Profesional Halal" ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan oleh HPB melalui keputusan Mesyuarat Majlis Profesional Halal kali pertama yang bertanggungjawab bagi membuat penilaian dan keputusan terhadap permohonan RS; dan

"Rakan Strategik ("RS")" ertinya agensi kerajaan atau bukan kerajaan yang beroperasi di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan Training dan Coaching untuk Pembangunan Kapasiti Halal di dalam dan luar negara;

"Sijil Eksekutif Halal" ertinya dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh JAKIM sebagai pengesahan kepada individu yang telah berjaya mengikuti Kursus Modul Halal Eksekutif di bawah HPB;

“Tenaga Pengajar Halal (“TPH”)” ertinya individu yang telah didaftarkan sebagai Tenaga Pengajar Halal oleh HPB dan layak mengajar serta mengendalikan Program Latihan Halal.

4. KELAYAKAN PEMOHON

Mana-mana agensi kerajaan atau bukan kerajaan adalah layak memohon pendaftaran sebagai RS jika memenuhi syarat-syarat berikut:

4.1 Agensi kerajaan

- (a) mempunyai sekurang-kurangnya seorang HP yang berjawatan tetap; dan
- (b) beroperasi menggunakan premis yang dilesenkan oleh pihak berkuasa tempatan atau agensi berkaitan sebagai pejabat urusan.

4.2 Agensi bukan Kerajaan

- (a) berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia/Suruhanjaya Koperasi Malaysia/Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia/ lain-lain agensi yang berkaitan (tidak terpakai kepada agensi kerajaan);
- (b) adalah milikan orang yang beragama Islam sepenuhnya;
- (c) mempunyai sekurang-kurangnya seorang HP yang berjawatan tetap; dan
- (d) beroperasi menggunakan premis yang dilesenkan oleh pihak berkuasa tempatan atau agensi berkaitan sebagai pejabat urusan.

5. PERMOHONAN PENDAFTARAN

5.1 Prosedur bagi permohonan pendaftaran sebagai RS adalah seperti berikut:

- (a) permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Pendaftaran RS seperti di Lampiran A yang boleh didapati daripada Sekretariat Majlis Halal Malaysia, JAKIM atau dimuat turun daripada laman web rasmi www.halal.gov.my;

- (b) borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta dokumen sokongan hendaklah dihantar kepada Urusetia MIHA, Sekretariat Majlis Halal Malaysia, JAKIM;
- (c) pemohon hendaklah menghadiri Kursus Intensif *Training of Trainers* (ToT) MIHA dan lulus ujian penilaian;
- (d) penilaian awal dokumen akan dilakukan oleh Urusetia MIHA;
- (e) permohonan pendaftaran yang lengkap dan layak akan dinilai oleh Panel Pengesahan Profesional Halal; dan
- (f) status penilaian oleh Panel Pengesahan Profesional Halal akan dimaklumkan secara bertulis melalui surat rasmi.

5.2 Proses permohonan pendaftaran adalah seperti carta alir di Rajah 1

6. PEMBAHARUAN PENDAFTARAN

- 6.1 Permohonan pembaharuan pendaftaran oleh RS hendaklah dilakukan dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat sah pendaftaran.
- 6.2 Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Pendaftaran RS seperti di Lampiran A.
- 6.3 RS hendaklah bebas daripada tindakan penggantungan, penarikan balik atau penyenaraian hitam akibat pelanggaran syarat-syarat pendaftaran RS.
- 6.4 Proses permohonan perlintakan adalah seperti carta alir di Rajah 1.

7. PENILAIAN DOKUMEN PENDAFTARAN

- 7.1 Penilaian dokumen bagi setiap permohonan yang diterima akan dijalankan oleh Urusetia MIHA bagi memastikan segala dokumen dan maklumat yang diperlukan adalah lengkap.
- 7.2 Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak permohonan pendaftarannya oleh Urusetia MIHA.
- 7.3 Permohonan yang layak akan dibentangkan dalam Panel Pengesahan

Profesional Halal untuk kelulusan.

8. PENGELUARAN SURAT PENDAFTARAN

- 8.1 Surat pendaftaran RS akan dikeluarkan oleh JAKIM setelah mendapat kelulusan Panel Pengesahan Profesional Halal.
- 8.2 Surat pendaftaran RS adalah terbatal sekiranya:
 - (a) RS melanggar syarat-syarat dan larangan seperti di perkara 11 dan 13; atau
 - (b) RS memohon untuk membatalkan pendaftaran.

9. PERMOHONAN SALINAN SURAT PENDAFTARAN RS

Sekiranya surat pendaftaran hilang kerana kecuaian, kecurian, kebakaran, bencana alam dan sebagainya, RS boleh mendapatkan suatu salinan surat pendaftaran dengan membuat permohonan bertulis kepada Urusetia MIHA.

10. TEMPOH SAH PENDAFTARAN

Tempoh sah surat pendaftaran RS adalah selama tiga (3) tahun dari tarikh ia dikeluarkan.

11. SYARAT-SYARAT

Tiap-tiap RS yang berdaftar hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- 11.1 surat pendaftaran RS hanya sah digunakan untuk tujuan menjalankan Program PKH sahaja;
- 11.2 RS tidak boleh melaksanakan program latihan Halal bermodul HPB melainkan telah berdaftar sebagai PLH dengan HPB;
- 11.3 beroperasi di alamat berdaftar dengan MIHA. Jika berlaku perpindahan/pertukaran alamat maka hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada Urusetia MIHA;

- 11.4 hendaklah memastikan maklumat yang digunapakai untuk program PKH mendapat kebenaran MIHA terlebih dahulu sebelum program dianjurkan;
- 11.5 melantik dan memastikan HP, TPH atau HF sahaja sebagai pengendali program PKH;
- 11.6 memaklumkan kepada Urusetia MIHA negara sasaran bagi program PKH di luar negara;
- 11.7 melaksanakan program PKH secara aktif di dalam dan luar negara sekurang-kurangnya dua (2) aktiviti setahun;
- 11.8 mempunyai sistem penyimpanan dokumen dan rekod;
- 11.9 memastikan Jata Negara Malaysia, logo JAKIM, logo MIHA dan logo Halal Malaysia tidak digunakan untuk apa-apa tujuan perdagangan, perniagaan, pekerjaan atau profesion kecuali mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada JAKIM;
- 11.10 memberikan maklumat yang lengkap kepada peserta mengenai yuran penyertaan latihan dan perkhidmatan; dan
- 11.11 mengemukakan laporan kepada MIHA seperti berikut:
 - (a) *Training* – setiap kali selepas program PKH diadakan; dan
 - (b) *Coaching* – setiap enam (6) bulan.

12. PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI HALAL

12.1 Permohonan Kebenaran Menjalankan Program PKH (*Training*)

Apa-apa permohonan kebenaran bagi menjalankan program PKH (*Training*) hendaklah dibuat kepada Urusetia MIHA dengan menggunakan Borang Permohonan Kebenaran seperti di **Lampiran B**.

12.2 Tempat Latihan Program PKH

RS hendaklah memastikan bilik latihan program—

- (a) dilengkapi dengan penghawa dingin atau kipas yang berfungsi dengan baik;

- (b) mempunyai keluasan yang sesuai dengan kapasiti peserta;
- (c) mempunyai pengudaraan dan keamatan cahaya yang mencukupi;
- (d) mempunyai kemudahan kerusi dan meja yang sesuai dan mencukupi; dan
- (e) mempunyai kemudahan, peralatan, kelengkapan, bahan latihan dan alat bantuan mengajar yang berfungsi.

12.3 Sijil Pembangunan Kapasiti Halal (SPKH)

Sijil PKH hendaklah dikeluarkan oleh RS sebagai penyertaan kepada individu yang telah berjaya mengikuti kursus dan lulus program PKH seperti di **Lampiran C**.

12.4 Rekod dan Dokumentasi

RS hendaklah mempunyai rekod kursus dan fail bagi simpanan dokumen-dokumen yang berkaitan untuk tempoh lima (5) tahun.

13. LARANGAN KEPADA RS

RS adalah dilarang melakukan mana-mana perkara berikut:

- (a) apa-apa tindakan yang pada pendapat MIHA/HPB boleh mencemarkan nama baik MIHA/HPB/JAKIM;
- (b) melaksanakan program PKH di premis/negara yang belum mendapat kebenaran MIHA;
- (c) mempamer atau menyiar sebarang iklan atau publisiti berkaitan pendaftaran RS yang kurang tepat atau mengelirukan dalam mana-mana media cetak atau elektronik;
- (d) membenarkan mana-mana pihak atau ejen menyalahgunakan pendaftaran RS MIHA;

- (e) melaksanakan Program PKH yang tidak mendapat kebenaran MIHA; atau
- (f) mengemukakan maklumat palsu kepada MIHA.

14. **PENUTUP**

Garis Panduan ini diharap dapat memberikan panduan kepada RS yang berminat untuk berdaftar sebagai RS MIHA. Sebarang pertanyaan dan maklum balas mengenai Garis Panduan Pendaftaran Rakan Strategik MIHA 2019 bolehlah diajukan kepada alamat seperti yang berikut:

**Urusetia MIHA,
Sekretariat Majlis Halal Malaysia,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,
Aras 7, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya,
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, 62100 Putrajaya.**

No. Telefon : 03-8892 5000

No. Faksimili : 03-8892 5005



(DATUK MOHAMAD NORDIN BIN IBRAHIM)

Ketua Pengarah,

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

7 Februari 2019